

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU**  
**DI KUALA TERENGGANU**  
**DI NEGERI TERENGGANU**

**DALAM PERKARA TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN**

**SAMAN NO: 11100-017-XXXX-2017**

**ANTARA**

XYXY

...PLAINTIF

No. KP: 690120-11-XXXX

**DENGAN**

XXXX

...DEFENDAN

No. KP: 680516-11-XXXX

**DI HADAPAN YANG ARIF**  
**TUAN HAJI ROSDI BIN HARUN SMT., AMZ., PJK.,**  
**HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI TERENGGANU**  
**DI KUALA TERENGGANU**

**PADA HARI SELASA, 01 SAFAR 1441H**  
**BERSAMAAN 08 OKTOBER 2019**

**ATAS TUNTUTAN** Plaintiff, Tuntutan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu, dalam kehadiran Plaintiff yang diwakili oleh Peguam Syarie, Puan Ummu Abihah binti Roslan dari Tetuan Khairul Sofian Anuar & Co., dan dalam kehadiran Defendan yang diwakili oleh Peguam Syarie, Maryam Wafda binti Kamilien dari Tetuan Wafda Kamilien & Associates. Setelah membaca Penyataan Tuntutan dan mendengar keterangan Plaintiff dan Defendan serta saksi-saksi kedua-dua belah pihak, **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT:-**

## **FAKTA KES**

- [1] Tuntutan dibuat ini adalah bertujuan untuk Mahkamah mensabitkan bahawa harta alih dan harta tak alih yang diperolehi antara Plaintiff bersama Defendan ketika hidup sebagai suami isteri yang sah adalah harta sepencarian.
- [2] Plaintiff dan Defendan diakadnikahkan pada 31/05/1991 dan telah dikurniakan tiga (3) orang hasil perkahwinan tersebut kedua-duanya telah bercerai pada 24.05.2015 dengan perceraian talak satu kali pertama. Plaintiff dan Defendan kedua-duanya bekerja sebagai Guru.
- [3] Semasa hidup sebagai suami isteri, Plaintiff dan Defendan memperolehi aset-aset yang dipohon oleh Plaintiff untuk diisytiharkan sebagai harta sepencarian dan demikian juga aset-aset yang dituntut oleh Defendan.
- [4] Pernyataan Tuntutan difailkan Plaintiff pada 16/7/2017 dan memohon, antaranya supaya:-
- (1) Harta-harta sebagaimana berikut diisytiharkan sebagai harta sepencarian antara Plaintiff dan Defendan menurut peruntukan Seksyen 59 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 2017 iaitu :
- i. Lot PT XXXX Mukim Seberang Baruh, Kuala Terengganu;
  - ii. Sebuah rumah banglo yang didirikan di atas sebidang tanah Lot PT XXXX Mukim Seberang Baruh, Kuala Terengganu;
  - iii. Perabot, peralatan elektronik dan aksesori rumah;

iv. Sebuah motokar Vios 1.5 cc yang bernombor pendaftaran TBB XXXX dan aksesori;

(2) Harta-harta tersebut dibahagikan mengikut nisbah 1/2 bahagian kepada Plaintiff dan 1/2 bahagian kepada Defendan.

[5] Defendan memasukkan Pernyataan Pembelaan dan Tuntutan Balas pada 14/08/2017 dengan menafikan dan tidak bersetuju dengan tiap-tiap pernyataan fakta yang terkandung di dalam Pernyataan Tuntutan Plaintiff. Sebaliknya menuntut balas supaya :

Harta-harta sebagaimana berikut diisytiharkan sebagai harta sepencarian antara Plaintiff dan Defendan menurut peruntukan Seksyen 59 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 2017 iaitu :

- i. Sebuah rumah banglo yang dibina di atas tanah Lot PT XXXX, Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu.
- ii. Sebidang tapak rumah tanah Lot PT XXXX, Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu.
- iii. Sebidang tanah HSM XXXX di Kampung Chenang Mukim Kuala Nerus dan;
- iv. Sebuah kereta perodua kelisa nombor pendaftaran BHG XXXX.

### **ULASAN PENGHAKIMAN**

[6] Plaintiff dan Defendan tidak mempertikaikan *watiqah* kuasa saya untuk mendengar kes ini sepertimana dikhususkan di bawah peruntukan Subseksyen 11(3)(b)(iv) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu)

2001, berhubungan dengan *pembahagian atau tuntutan harta sepencarian*.

[7] Fakta persoalan yang timbul adalah berhubung dengan harta tak alih dan harta alih yang dituntut oleh Plaintiff dan dituntut balas oleh Defendan, di mana akan saya teliti dan digabungkan penjelasan sekaligus, iaitu:-

(a) Sama ada aset-aset yang dituntut Plaintiff dan Defendan layak untuk disabitkan sebagai harta sepencarian; DAN

(b) Jikalau sabit, berapakah kadar/nilai yang perlu dipertimbangkan untuk pembahagian.

[8] Mengikut Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 2017, harta sepencarian ditafsirkan sebagai *harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syara*’.

[9] Dalam menentukan kaedah pembahagian harta sepencarian, seksyen 59 (1) dan (2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 dirujuk dengan lebih terperinci. Peruntukan tersebut berbunyi:

57 - Kuasa Mahkamah memerintah pembahagian harta sepencarian.

(1) Mahkamah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan **usaha bersama**

mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang-

*(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;*

*(b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;*

*(c) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,*

dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah mirip kepada membuat pembahagian yang sama banyak.

[10] Jelasnya di sini bahawa syarat utama sesuatu harta sepencarian itu adalah harta tersebut diperolehi dalam tempoh perkahwinan. Faktor kedua yang perlu diambil kira adalah penentuan sumbangan pihak masing-masing dan takatnya dalam perolehan harta-harta tersebut. Kedua-dua faktor perkahwinan dan sumbangan ini sangat berkait rapat.

[11] Dalam menentukan pembahagian ini, Panel Rayuan di dalam kes ISA BIN ABD RAHMAN lwn. FATIMAH@YONG BINTI MOHAMAD, JH XX/I (1426H) M/S 67, telah menggariskan beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan sebelum sabitan, antaranya:

1. Sama ada harta yang diperolehi bersama itu benar-benar hasil usaha kedua-dua mereka.
2. Adakah sumbangan tersebut berupa sumbangan material usaha sama atau sumbangan tidak langsung di mana isterinya menguruskan rumahtangga?
3. Jika hasil kedua-dua berapakah kadar sumbangan setiap mereka, apakah 50-50?
4. Jika harta diperolehi bersama tetapi sumbangan salah satu pihak lebih besar daripada sumbangan pihak lain atau sebagainya.
5. Harta yang diperolehi hendaklah ditentukan bagi pembahagian mengikut nilai semasa bagi harta yang mempunyai susut nilai.

[12] Berkenaan beban pembuktian pula, mana-mana yang menuntut dan berperanan sebagai *muddaie* dalam kes ini perlu membuktikan apakah usaha yang disumbangkan untuk memperolehi aset-aset yang dituntut tersebut. Beban membuktikan kes termaktub di bawah Seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, yakni:

Seksyen 73. Beban membuktikan.

(1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta

yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.

(2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.

- [13] Peruntukan Seksyen 2 dan 57 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 memandu saya memutuskan kes ini dengan meneliti aset yang dituntut pihak-pihak satu persatu dengan berdasarkan persoalan-persoalan di atas; dan bagaimana ia dibuktikan.
- [14] Sebelum menyentuh tentang aset-aset yang menjadi tuntutan dan tuntutan balas di dalam kes ini, **Saya terlebih dahulu membuat penjelasan berkaitan isu sama ada penamaan ke atas aset-aset ke atas sesuatu pihak boleh dianggap sebagai pemilik mutlak kepada aset tersebut?**
- [15] Dalam kes ini, sebidang tanah Lot XXXX Mukim Seberang Baruh, Kuala Terengganu dan sebuah rumah banglo yang didirikan di atasnya adalah didaftarkan di atas nama Defendan. Hal ini turut diujahkan oleh Defendan di dalam keterangan utamanya.
- [16] Dalam isu ini, Mahkamah mendapati bahawa, semata-mata nama tercatat **di dalam dokumen pemilikan tidak bermakna milik mutlak si polan itu** sepenuhnya kerana cara perolehan aset-aset hendaklah diambilkira. (Lihat kes *Hawa Embong lwn Ahmad Muda* [2005] JH XX/II 224; dan *Che Mas Abdullah lwn Mat Syarie Yaakub* [2005] JH XIX/I 32 yang menjelaskan tentang isu ini).

[17] Di dalam kitab *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syariyyah*, cet. Dar al-Ihya al-Ulum, Beirut, t.t, hlm 30 oleh Ibnu Qayyim al-Jauziyyah telah menyebut seperti berikut:

ومن ذلك : أن جمهور الفقهاء يقولون في تداعي الزوجين والصانعين لمتاع البيت والدكان : إن القول قول من يدل الحال على صدقه . والصحيح في هذه المسألة ، انه لا عبرة باليد الحسية ، بل وجودها كعدمها . لو إعتبرناها لا إعتبرنا به يد الخاطف لعمامة غيره وعلى رأسه عمامة ، وآخر خلفه حاسر الرأس ، ونحن نقطع بأن يده ظالمة عادية ، فلا إعتبر له

Terjemahannya : *Di antaranya ialah di kalangan ahli perundangan Islam telah sepakat berpendapat bahawa di dalam kes tuntutan antara suami isteri yang sama-sama berusaha dalam mendapatkan harta rumahtangga dan berkedai, tuntutan yang sedemikian hendaklah diterima berdasarkan keterangan-keterangan dan bukti-bukti tuntutan itu. Sebenarnya di dalam persoalan ini, pemilikan sesuatu harta itu tidak dikira hanya semata-mata berdasarkan nama yang tertera di dalam harta itu. **Setakat nama yang tertera di dalam sesuatu harta itu belum tentu membuktikan pemilikannya.** Kenyataan sebegini adalah kerana seandainya diambilkira hakmilik sesuatu harta semata-mata mengikut nama yang tertera di dalam harta itu, maka nescaya serban yang dipakai di kepala seseorang yang merampas serban kepunyaan orang lain akan dikira sebagai kepunyaan perampas itu, sedangkan*



*pengiktirafan yang sedemikian adalah sesuatu kezaliman dan tidak diambilkira.*

[18] Maka adapun sebidang tanah Lot PT XXXX Mukim Seberang Baruh, Kuala Terengganu yang terdapatnya sebuah rumah banglo di atasnya adalah milikan berdaftar pihak yang satu lagi (iaitu Defendan), **namun pada pandangan Mahkamah tidaklah menjadikannya milikan penuh pihak tersebut dengan tersuratnya nama tersebut semata-mata. Bahkan pembahagiannya masih tertakluk pada takat sumbangan, melainkan terdapat pembuktian yang menyatakan sebaliknya.**

[19] Justeru itu, jelas dilihat bahawa pandangan Ulama' di atas telah menyangkal hujah bahawa pemilikan itu adalah hanya didasarkan kepada nama yang tersurat pada carian rasmi yang dikeluarkan. Mahkamah menegaskan bahawa sebagai pihak yang menuntut, beban membuktikan usaha yang disumbangkan untuk memperolehi apa yang dituntut terletak pada Plaintiff, sepertimana kehendak Seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang tertera di atas.

## **HURAIAN ASET-ASET YANG DITUNTUT OLEH PLAINTIF**

### **Aset 1 : Lot PT XXXX Mukim Seberang Baruh, Kuala Terengganu**

[20] Berdasarkan kepada dapatan fakta daripada kenyataan oleh Plaintiff dan Defendan dalam keterangannya kepada Mahkamah dan dipersetujui oleh pihak-pihak, **kedua-duanya mengakui dan tidak mempertikaikan bahawa telah membeli tanah tersebut dalam masa perkahwinan mereka yang mana tidak mempertikaikannya sebagai harta sepencarian.** Mengikut dapatan fakta kes ini, sebidang tanah Lot PT XXXX Mukim

Seberang Baruh, Kuala Terengganu yang dituntut oleh Plaintiff ini didaftarkan di atas nama Defendan, XXXX.

Perolehan tanah ini pada awalnya dibuat oleh usaha Plaintiff yang mana ianya dibeli dengan harga RM 63,000 yang diperolehi melalui sumber kewangan hasil jualan tanah di Banggol Tok Jiring dengan harga RM 85,000. Tanah tersebut dijual kepada Puan R pada Mac 2009 [Rujuk Ekshibit D1, dan D22]. Menurut keterangan Defendan mengakui bahawa sungguhpun nama milikan tanah itu atas nama Defendan tetapi asal-usul tanah di Banggol Tok Jiring itu adalah milik keluarga Plaintiff yang dibeli oleh Plaintiff dengan menggunakan pinjaman bank Rakyat dengan harga RM 30,000 kerana ayah Plaintiff mahu menunaikan fardhu haji pada ketika itu. Pada waktu itu, tanah tersebut didaftarkan atas nama adik perempuan Plaintiff iaitu XXX.

[21] Selepas tanah di Banggol Tok Jiring itu dijual, Pembeli iaitu Puan R telah memasukkan (mendepositkan) duit hasil jualan berjumlah RM85,000 ke dalam akaun Tabung Haji milik Plaintiff pada 02.04.2009. Kesemua transaksi ini adalah dalam pengetahuan dan persetujuan bersama Plaintiff dan Defendan.

[22] Setelah itu barulah *subject matter* kes yang dituntut Plaintiff, iaitu tanah Lot PT XXXX Mukim Seberang Baruh, Kuala Terengganu diperolehi. Plaintiff ada menyatakan kepada Defendan ada tanah yang sesuai untuk dijual berhampiran dengan rumah sewa Plaintiff dan Defendan ketika itu iaitu di Seberang Baruh Kiri. Urusan pembelian tanah diuruskan sepenuhnya oleh Plaintiff. Plaintiff telah membeli tanah tersebut dalam pengetahuan dan dengan persetujuan daripada Defendan daripada tuan tanah, iaitu penjual bernama Nik XXX pada bulan April 2009. Tanah

tersebut dibeli dengan harga RM 66,500 - menggunakan duit hasil jualan tanah Banggol Tok Jiring. Seterusnya, tanah Lot PT XXXX Mukim Seberang Baruh, Kuala Terengganu dan terus didaftarkan atas nama Defendan sebanyak 1/1 bahagian.

- [23] Menurut Plaintiff di dalam hujahan bertulisnya pada mukasurat 17, beliau akui tanah tersebut diletak atas nama Defendan untuk memudahkan urusan pinjaman perumahan dan menafikan ianya diletakkan sebagai hadiah – “*Saya tak boleh buat pinjaman perumahan buat kali kedua, faedah yang tinggi. Jadi untuk jimatkan, saya letak atas nama Defendan*”. Defendan dalam keterangannya tidak membawa penafian terhadap isu ni dan tidak membuktikan tanah tersebut adalah hadiah daripada Plaintiff kepadanya.
- [24] Kembali kepada *penentuan takat sumbangan*, saya dapati Plaintiff di dalam kes ini telah *membayar bayaran pembelian tanah tersebut hasil daripada jualan tanah di Banggol Tok Jiring sebanyak RM 66,500*. Defendan pula telah secara langsung melalui keterangannya memperakui bahawa sebelum itu Plaintiff dan Defendan sama-sama meninjau beberapa bidang tanah yang sesuai untuk dibeli tetapi tidak sesuai. Defendan turut menyatakan bahawa penjualan tanah di Banggol Tok Jiring untuk membeli tanah di Seberang Baruh adalah berdasarkan persetujuan bersama kedua-dua pihak.
- [25] Berkenaan *sumbangan langsung Defendan pula*, dalam hal ini Mahkamah melihat, *penamaan asal pada tanah di Banggol Tok Jiring tersebut adalah di atas nama Defendan sebagai tuan tanah boleh dikira sebagai suatu sumbangan langsung*. Ini diakui oleh SD 5, Puan R sebagai Pembeli Tanah yang melihat nama asal di atas geran tersebut.

Mahkamah juga menilai **bahawa Defendan dari aspek sokongan moral terhadap suami dan sikap baik Defendan yang tidak membantah keputusan suami sepanjang perkahwinan dan dalam usaha pemilihan tanah ini sebagai suatu sumbangan tidak langsung yang amat bermakna kepada kelangsungan tugas seorang suami.**

**Aset 2 : Sebuah rumah banglo yang didirikan di atas sebidang tanah Lot PT XXXX Mukim Seberang Baruh, Kuala Terengganu**

[26] Sebuah rumah banglo telah dibina di atas tanah tersebut pada bulan April tahun 2009 dan siap dibina sekitar bulan Januari 2010. Anggaran kasar kos keseluruhan untuk menyiapkan keseluruhan rumah tersebut adalah lebih kurang RM400,000.

[27] Dalam hal ini, Mahkamah akan meneliti kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh Plaintiff dan Defendan berhubung takat sumbangan masing-masing kepada perolehan aset tersebut.

[28] Pada 07.10.2009, Plaintiff dalam keterangannya ada menyatakan bahawa ada membuat pinjaman daripada Malaysia Building Society Berhad (MBSB) bagi tujuan membina rumah tersebut. Jumlah bersih daripada pinjaman tersebut sebanyak RM48,750 diserahkan kepada Kontraktor untuk membeli barang asas rumah. Walaubagaimanapun, Plaintiff telah menjelaskan pinjaman MBSB (secara *full settlement*) dengan menggunakan pinjaman yang dibuat daripada Bank Simpanan Nasional (BSN) pada 25.06.2012 berjumlah RM145,000 memandangkan kos pengurusan MBSB yang agak tinggi. Menurut Plaintiff di dalam keterangannya, bayaran baki pinjaman itu sebanyak RM 84,559.87 digunakan untuk membeli aksesori, perabot dan kegunaan keluarga.

- [29] Selain itu, Plaintiff turut sekali lagi membuat pinjaman peribadi di Bank Rakyat pada 25.08.2010 berjumlah RM90,000 yang mana sebahagiannya iaitu RM45,000 digunakan untuk membuat rumah tersebut. Pada 19.04.2017, Plaintiff telah menyelesaikan pinjaman Bank Rakyat tersebut pula dengan membuat pinjaman daripada Bank Islam (BIMB).
- [30] Defendan buat pertama kalinya telah membuat pinjaman sebanyak RM 80,000 pada tahun 2008. Pada 29.09.2009, telah membuat pengeluaran dari wang simpanan Tabung Haji sebanyak RM5000 untuk membayar pendahuluan frame pintu rumah. Seterusnya, Defendan melalui keterangannya menyatakan bahawa ada membuat pinjaman perumahan kerajaan sebanyak RM 132,739 yang mana keseluruhan wang tersebut turut digunakan untuk menampung pembinaan rumah tersebut. Defendan juga menanggung bayaran bulanan pinjaman tersebut sebanyak RM 709 sebulan yang dipotong daripada gaji Defendan untuk tempoh 25 tahun sehingga tahun 2035. Setelah rumah tersebut siap pada tahun 2010, Defendan sekali lagi membuat pinjaman bank Rakyat pada Ogos 2010 iaitu sebanyak RM 55,000.
- [31] Dari sini saya berpuashati bahawa Plaintiff dan Defendan telah sama-sama memberi sumbangan langsung berbentuk wang dan harta. Takat sumbangan Plaintiff adalah sebanyak RM 66,500 (kos beli tanah tapak rumah Seberang Baruh) + RM48,750 (membeli barang asas permulaan untuk pembinaan rumah oleh Kontraktor) + RM45,000 (pinjaman tambahan Bank Rakyat untuk buat rumah) + RM17,000 (tambun tanah) + RM 500 (rawat tanah) = RM177,750.
- [32] Manakala takat sumbangan Defendan adalah sebanyak RM2,557 (kos pelan rumah termasuk bayaran MPKT dan Pelan RC) + RM 5000

(bayaran frame pintu) + RM132,739.00 (Pinjaman Perumahan Kerajaan) + RM55,000 (Pinjaman setelah rumah siap) = RM199,782.13. Kiraan ini hanyalah sekadar dapatan yang saya ketemui dari fakta-fakta yang dibentangkan oleh Plaintiff dan Defendan.

[34] Secara keseluruhan takat sumbangan langsung yang diberikan oleh Plaintiff dan Defendan bagi perolehan tanah dan banglo yang dibina di atas tanah, *Mahkamah merumuskan bahawa apabila digabungkan kedua-dua aset tersebut secara keseluruhannya adalah mirip kepada sama banyak.*

[35] Dalam *bentuk kerahan tenaga pula*, saya mendapati Plaintiff terlibat secara langsung mencari Kontraktor membina rumah iaitu Haji Abdillah, menguruskan perolehan barang-barang binaan dengan berurusan dengan Kontraktor, turut membeli sendiri beberapa bahan asas lain seperti simen, batu dan pasir, berurusan secara langsung dengan tukang rumah serta menyelia pembinaan rumah tersebut termasuk Syarikat yang membuat siling kapur dan aksesori rumah iaitu Seri Cipta Enterprise, penyediaan pendawaian rumah dan urusan pembinaan dengan kontraktor rumah. SP1 (Tukang buat siling kapur dan aksesori), SP 2 (pekerja pendawaian), dan SP 3 (Pemilik Lesen – Anak kepada Kontraktor), SD 4 (Kontraktor) yang mana kesemuanya dalam keterangan masing-masing mengakui bahawa banyak berurusan dengan Plaintiff yang menguruskan barang-barang binaan serta pembayaran kepada mereka.

[36] Manakala Defendan telah berusaha mendapatkan pelan rumah dan membiayai kos tersebut termasuk bayaran kelulusan pelan untuk mendirikan rumah daripada MPKT dan bayaran pelan. Defendan juga sebagai isteri pada ketika itu telah berusaha memperolehi kelulusan untuk

pinjaman perumahan kerajaan di atas namanya, turut memberi idea dalam pembinaan rumah tersebut sebagaimana diakui oleh Plaintiff pada dalam hujahan bertulisnya.

- [37] Selain itu, apa yang turut diberi perhatian oleh Mahkamah dalam menentukan sumbangan tidak langsung Defendan pada masa itu sebagai seorang isteri (dalam tempoh hampir 25 tahun perkahwinan), telah menjalankan tugas sebagai isteri dengn penuh tanggungjawab tanpa gagal, yang telah menyebabkan Plaintiff boleh keluar bekerja dengan baik, menguruskan dengan baik soal pembinaan kediaman mereka, ditambah dengan Defendan yang tidak pernah mempunyai pembantu rumah dalam menolong menguruskan rumahtangga dan anak-anak seramai 3 (tiga) orang. Semua tanggungjawab yang berat ini digalas Defendan seorang diri dalam keadaan perlu mengimbangi antara tugas seorang isteri, ibu dan kerjaya sebagai guru di sekolah. Kesemuanya adalah merupakan penat lelah yang hendaklah diberi perhatian yang wajar. Dari situ saya nampak kedua-dua Plaintiff dan Defendan mengambil bahagian memberi sumbangan tenaga dalam perolehan aset-aset ini.

**Aset 3 : Perabot, peralatan elektronik dan aksesori rumah**

- [38] Berkenaan dengan aset ketiga ini, yang mana terkandung di dalam aset ini yang terdiri daripada pagar sekeliling rumah, autogate system, system alarm / penggera, pendingin hawa, batu faber dan pemasangan, grill rumah, set televisyen, mesin basuh, motor air, kabinet dapur dan bilik, pembinaan jalan masuk ke rumah, set perabot bilik tidur seperti katil.
- [39] Berkenaan dengan aset ketiga ini, menurut Plaintiff di dalam hujahan bertulisnya, Plaintiff tanpa prejudis memperakui bahawa kesemua kos-kos

bagi memperoleh Perabot, peralatan elektronik dan aksesori rumah ini adalah dari sumbangan bersama antara Plaintiff dan Defendan. Manakala, di dalam hujahan bertulis, Defendan tidak meletakkan penafian terhadap adanya sumbangan bersama antara Plaintiff dan Defendan dalam perolehan aset ketiga ini dan Defendan hanya menegaskan bahawa Kabinet Dapur yang didakwa oleh Plaintiff sebagai sumbangan bersama adalah dibeli secara bersendirian oleh Defendan dengan kos sebanyak RM11,000. Berkenaan 13 peralatan yang lain adalah tidak dipertikaikan tentang sumbangan bersama dalam memperoleh peralatan tersebut.

### **RUMUSAN MAHKAMAH BAGI ASET 1, 2, DAN 3**

[40] Setelah membuat penelitian terhadap ketiga-tiga aset di atas (aset 1, aset 2 dan aset 3), Saya mendapati kehendak syarat di bawah peruntukan Seksyen 59 (2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Terengganu 2001 telah dilakukan oleh Plaintiff dan Defendan. Kedua-duanya telah menyediakan takat sumbangan yang lebih kurang sama banyaknya untuk memperolehi aset-aset tersebut sama ada dari segi sumbangan langsung dan tidak langsung. Oleh itu, saya berpendapat adalah wajar untuk memberikan kadar  $\frac{1}{2}$  bahagian kepada Plaintiff dan kadar  $\frac{1}{2}$  bahagian kepada Defendan dengan berdasarkan nilai aset-aset tersebut semasa berlakunya perceraian.

**Aset 4 : Sebuah motokar Vios 1.5 cc yang bernombor pendaftaran TBB 8568 dan aksesori**

[41] Menjadi fakta yang tidak dipertikaikan bahawa sumber perolehan kereta Toyota Vios 1.5 cc bernombor pendaftaran TBB XXXX ini adalah hasil daripada jualan kereta Proton Wira 1.5 No. Plat TAA XXXX dengan



harga jualan sebanyak RM 13,000. Pada asalnya kereta Proton Wira tersebut atas nama Plaintiff kemudian dibuat *re-finance* untuk membeli kereta Toyota Vios. Hasil jualan tersebut digunakan untuk bayar muka Toyota Vios. Kereta Toyota Vios dibeli pada 25.11.2010 dengan harga RM 69, 185.57 dan didaftarkan atas milikan Defendan.

[42] Berdasarkan keterangan Defendan di dalam Nota Bicara muka surat 9-10, Defendan menyatakan bahawa kereta ini dijual pada tahun 2016 iaitu selepas berlakunya perceraian. Bayaran bulanan kereta sebanyak 90% dibuat oleh Defendan sendiri. Sumbangan langsung Defendan ini tidak dinafikan oleh Plaintiff yang mana Plaintiff melalui hujahan bertulisnya memperakui hanya membuat 3 kali bayaran sahaja sepanjang tempoh tersebut. Sekain itu, Plaintiff menyatakan ada memberi sumbangan untuk membeli beberapa aksesori untuk kereta tersebut nampak lebih *sporty*. Defendan dalam keterangannya menyatakan bahawa telah menjual kereta tersebut dengan harga jualan RM 32,000.

[43] Setelah membuat penelitian terhadap aset keempat ini, saya mendapati kehendak syarat di bawah peruntukan Seksyen 59 (2) telah dilakukan oleh Plaintiff dan Defendan dan kedua-duanya telah menyediakan takat sumbangan masing-masing di dalam perolehan aset tersebut. Pada pandangan Mahkamah, Defendan telah memberi sumbangan langsung yang lebih besar dalam perolehan aset ini yang mana telah membuat refinance kereta Proton Wira atas nama Defendan sebelum membeli Toyota Vios, dan telah melunaskan bayaran bulanan kereta tersebut melebihi 90% pembayaran daripada mula ianya dibeli.

[44] Mahkamah turut menilai sumbangan langsung Plaintiff dalam dalam perolehan kereta tersebut daripada pemilikan asal kereta Proton Wira yang

didaftarkan atas nama Plaintiff, ada memberi sumbangan bayaran bulanan sebanyak 3 kali, manakala usaha Plaintiff memperelokkan keadaan kereta tersebut pada pandangan Mahkamah adalah lebih kepada kehendak Plaintiff sendiri dan bukannya daripada kemahuan Defendan bahkan ianya bukanlah suatu keperluan sumbangan yang mendesak terhadap aset tersebut. Oleh itu, *Saya berpendapat adalah wajar untuk memberikan kadar 1/6 bahagian kepada Plaintiff dan kadar 5/6 bahagian kepada Defendan dengan berdasarkan nilai jumlah jualan aset tersebut selepas berlakunya perceraian.*

[45] Mahkamah turut menegaskan, selain membuat penilaian kepada aspek yang meliputi *takat sumbangan pihak-pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung, hutang yang terhutang dalam memperoleh harta tersebut, Mahkamah juga tidak menafikan tentang dan keperluan anak-anak yang belum dewasa.* Di sini, antara penilaian penting yang dibuat oleh Mahkamah dalam menentukan satu-satu harta sepencarian adalah tentang keperluan-keperluan anak-anak yang ada dalam perkahwinan itu. Mahkamah mengambilkira tentang 3 orang anak-anak yang pada masa perceraian berlaku hinggalah kini tinggal dan dijaga oleh Defendan seorang diri.

#### **HURAIAN ASET-ASET YANG DITUNTUT BALAS OLEH DEFENDAN**

[46] Defendan dalam tuntutan balasnya tidak bersetuju dengan tuntutan Plaintiff dan membuat tuntutan balas sebagaimana berikut :

- i. Sebuah rumah banglo yang dibina di atas tanah Lot PT XXXX, Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu.

- ii. Sebidang tapak rumah tanah Lot PT XXXX, Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu.
- iii. Sebidang tanah HSM XXXX di Kampung Chenang Mukim Kuala Nerus dan;
- iv. Sebuah kereta perodua kelisa nombor pendaftaran BHG XXXX.

[47] Dalam mengulas tentang aset Sebuah rumah banglo di atas sebidang tanah Lot PT XXXX, Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu Mahkamah melihat bahawa perolehan asal tanah dan rumah ini adalah sumbangan tunggal daripada Plaintiff, dan Defendan di dalam hujahannya pada pandangan Mahkamah gagal membuktikan wujudnya sumbangan langsung terhadap perolehan aset tersebut. Bahkan, berdasarkan hujahan Plaintiff pada mukasurat 13, Aset ini telah pun dijual dalam masa perkahwinan berlangsung antara Plaintiff dan Defendan kepada pihak ketiga (Pembeli) pada 21.0.2008.

[48] Mahkamah mengulas pandangan yang sama bagi tuntutan balas Defendan ke atas sebidang tanah HSM XXXX di Kampung Chenang, Mukim Kuala Nerus yang mana aset ini turut telah dijual kepada pihak ketiga (Pembeli) pada 06.03.2012 iaitu semasa Plaintiff dan Defendan masih dalam tempoh perkahwinan lagi.

[49] Pada pandangan Mahkamah penjualan aset-aset ini ketika dibuat adalah dalam pengetahuan Defendan, tidak dibantah apa-apa oleh Defendan bahkan tiada penjelasan tentang mengapa pada waktu penjualan tersebut Defendan tidak mengemukakan permintaan untuk mendapatkan hasil jualan aset-aset tersebut daripada Plaintiff dan hanya menimbulkan persoalan bagi aset-aset yang telah tidak wujud ini ketika tuntutan harta sepencarian dikemukakan oleh Plaintiff pada tahun 2017. Berdasarkan

dapatan ini, **Mahkamah menolak tuntutan balas Defendan bagi tiga aset yang dituntut balas iaitu aset i,ii dan iii di atas.**

- [50] Setelah membuat penelitian terhadap aset-aset yang dituntut sebagai tuntutan balas ini, saya mendapati bahawa Defendan tidak dapat membuktikan sumbangan yang dibuatnya untuk memperolehi harta tersebut. Oleh yang demikian, Mahkamah percaya bahawa aset-aset yang dituntut balas oleh Defendan ini telah tidak wujud dan tidak wajar diisytiharkan sebagai harta sepencarian antara Plaintiff dan Defendan.
- [51] Dalam mengulas tentang aset alih di dalam tuntutan balas ini iaitu sebuah kereta perodua Kelisa nombor pendaftaran BHG XXXX. Kereta ini dibeli dalam masa perkahwinan dan ianya juga telah dijual dalam masa perkahwinan. Berdasarkan keterangan utama Plaintiff menyatakan menjual kereta ini dengan harga RM13,000 di tempat kereta terpakai di Padang Midin. Dalam keterangan Plaintiff berkaitan kereta ini, Plaintiff menyatakan tidak bersetuju dengan tuntutan balas oleh Defendan kerana kereta ini telah memberi sumbangan kepada Plaintiff, Defendan dan anak-anak.
- [52] Berdasarkan dapatan ini, Mahkamah turut menilai pengakuan Plaintiff dalam keterangan langsung bahawa terdapat sumbangan bersama antara Plaintiff dan Defendan terhadap kereta tersebut semasa dalam perkahwinan dan belum dijual. Oleh itu, **Saya berpendapat adalah wajar untuk memberikan kadar 5/6 bahagian kepada Plaintiff dan kadar 1/6 bahagian kepada Defendan dengan berdasarkan nilai jumlah jualan aset tersebut iaitu sebanyak RM13,000** (sebagaimana keterangan Plaintiff dalam Nota Bicara mukasurat 4).

## **PERINTAH MAHKAMAH**

1. **SAYA LULUS** tuntutan harta sepencarian oleh Plaintiff, XYXY (No. KP: 690120-11-XXXX) terhadap Defendan, XXXX (No. KP: 680516-11-XXXX).
  
2. **SAYA SABIT** asset-aset berikut adalah harta sepencarian di antara Plaintiff, XYXY (No. KP: 690120-11-XXXX) dan Defendan, XXXX (No. KP: 680516-11-XXXX). Hartanah-hartanah tersebut ialah :
  1. Lot PT XXXX Mukim Seberang Baruh, Kuala Terengganu;
  2. Sebuah rumah banglo yang didirikan di atas sebidang tanah Lot PT XXXX Mukim Seberang Baruh, Kuala Terengganu;
  3. Sebuah motokar Vios 1.5 cc yang bernombor pendaftaran TBB XXXX dan aksesori;
  4. Perabot, peralatan elektronik dan aksesori rumah; dan,
  5. Sebuah Kereta Kelisa No. Pendaftaran BHG XXXX.
  
3. **SAYA PERINTAHKAN** Plaintiff XYXY (No. KP: 690120-11-XXXX) terhak sebanyak 1/2 bahagian/nilai tanah Lot PT XXXX Mukim Seberang Baruh, Kuala Terengganu beserta sebuah rumah banglo yang didirikan di atasnya mengikut nilai semasa perceraian berlaku manakala baki sebanyak 1/2 bahagian/nilai yang sama adalah terhak kepada Defendan, XXXX (No. KP: 680516-11-XXXX).
  
4. **SAYA PERINTAHKAN** Plaintiff XYXY (No. KP: 690120-11-XXXX) terhak sebanyak 1/6 bahagian daripada jumlah hasil

jualan bersih sebuah motokar Vios 1.5 cc yang bernombor pendaftaran TBB XXXX manakala baki sebanyak 5/6 bahagian daripada jumlah hasil jualan bersih tersebut adalah terhak kepada Defendan, XXXX (No. KP: 680516-11-XXXX).

5. **SAYA PERINTAHKAN** ½ bahagian daripada bahagian/nilai perabot, peralatan elektronik dan aksesori rumah terhak ke atas Plaintiff, XYXY (No. KP: 690120-11-XXXX) dan ½ bahagian/nilai lagi terhak kepada Defendan, XXXX (No. KP: 680516-11-XXXX).
6. **SAYA PERINTAHKAN** Plaintiff XYXY (No. KP: 690120-11-XXXX) terhak sebanyak 5/6 bahagian daripada jumlah hasil jualan bersih sebuah motokar Kelisa yang bernombor pendaftaran BHG XXXX manakala baki sebanyak 1/6 bahagian daripada jumlah hasil jualan bersih tersebut adalah terhak kepada Defendan, XXXX (No. KP: 680516-11-XXXX).
7. **SAYA PERINTAHKAN** tuntutan balas Defendan, XXXX (No. KP: 680516-11-XXXX) bagi tiga aset tak alih iaitu sebidang tanah dan sebuah rumah yang dibina di atas tanah tersebut Lot Lot PT XXXX, Mukim Batu Rakit & sebidang tanah HSM XXXX di Kampung Chenang, Batu Rakit, adalah **DITOLAK**.
8. **SAYA PERINTAHKAN** kos ditanggung oleh masing-masing.

DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN Saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu pada hari ini, Selasa 08 Safar 1441H bersamaan 08 Oktober 2019.

**METERAI**

**HAKIM SYARIE**